

**PANDUAN PENDAFTARAN UNTUK MENDUDUKI PEPERIKSAAN ULANGAN
PENGAL 2 STPM 2013**

Panduan ini mengandungi panduan pendaftaran untuk menduduki peperiksaan ulangan STPM bagi calon yang berikut:

- A. Calon sekolah/institusi**
- B. Calon persendirian individu**

A. Calon Sekolah/Institusi (termasuk sekolah swasta)

Langkah 1

Calon mendapatkan No. PIN MEC dari cawangan BSN berhampiran mengikut kadar bayaran yang berikut:

Bil	Bilangan Kertas	Jumlah (RM)
a.	1 Kertas	50.00
b.	2 Kertas	100.00
c.	3 Kertas	150.00
d.	4 Kertas	200.00
e.	5 Kertas	250.00

Nota:

Setiap calon hanya boleh menggunakan satu No. PIN MEC sahaja bagi membuat pendaftaran melalui sistem ini. Penggunaan No. PIN MEC kedua walaupun telah dibeli dari BSN bagi tujuan penambahan kertas yang hendak didaftarkan tidak akan diterima oleh sistem.

Langkah 2

Calon menyerahkan No. PIN MEC kepada Setiausaha Peperiksaan Sekolah (SUP) dan memaklumkan kod kertas peperiksaan ulangan yang hendak diduduki.

Langkah 3

SUP menerima NO. PIN MEC dan maklumat kod kertas peperiksaan ulangan yang hendak diduduki daripada calon (klik [borang](#) untuk dilengkapi oleh calon dan dikembalikan kepada SUP).

Langkah 4

SUP login ke URL <http://online.mesp.gov.my> untuk mendaftarkan calon yang ingin menduduki peperiksaan ulangan mengikut maklumat bilangan kertas yang diberikan (menggunakan Nama Pengguna dan Kata Laluan yang sama dengan yang digunakan semasa pendaftaran STPM).

Langkah 5

SUP mencetak Slip Pendaftaran sebagai bukti pembayaran.

Langkah 6

SUP/Calon menyemak dan mencetak slip Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) untuk peperiksaan ulangan dari portal Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) <http://www.mpm.edu.my> (tarikh penyemakan LPKC untuk peperiksaan ulangan STPM boleh dirujuk di portal MPM).

[Lihat sebelah

Langkah 7

SUP/Calon mencetak LPKC untuk peperiksaan ulangan STPM sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan.

B. Calon Persendirian Individu

Langkah 1

Calon mendapatkan No. PIN MEC dari cawangan BSN berhampiran mengikut kadar bayaran yang berikut:

Bil	Bilangan Kertas	Jumlah (RM)
a.	1 Kertas	50.00
b.	2 Kertas	100.00
c.	3 Kertas	150.00
d.	4 Kertas	200.00
e.	5 Kertas	250.00

Nota:

Setiap calon hanya boleh menggunakan satu No. PIN MEC sahaja bagi membuat pendaftaran melalui sistem ini. Penggunaan No. PIN MEC kedua walaupun telah dibeli dari BSN bagi tujuan penambahan kertas yang hendak didaftarkan tidak akan diterima oleh sistem.

Langkah 2

Calon login ke URL <http://online.mesp.gov.my> untuk mendaftarkan kertas peperiksaan ulangan STPM yang ingin diduduki.

Langkah 3

Calon mencetak Slip Pendaftaran sebagai bukti pembayaran.

Langkah 4

Calon menyemak dan mencetak slip Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) untuk peperiksaan ulangan dari portal Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) <http://www.mpm.edu.my> (tarikh penyemakan LPKC untuk peperiksaan ulangan STPM boleh dirujuk di portal MPM).

Langkah 5

Calon mencetak LPKC untuk peperiksaan ulangan STPM sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan.

Nota:

1. Tujuan peperiksaan ulangan adalah untuk memberi peluang kepada calon memperbaiki keputusan bagi sesuatu kertas pada penggal yang lalu.
2. Calon yang **Tidak Hadir** bagi sesuatu kertas tanpa mendapat kelulusan MPM terlebih dahulu tidak dibenarkan menduduki peperiksaan ulangan bagi kertas tersebut. Calon yang Tidak Hadir bagi sesuatu kertas tetapi ingin menduduki peperiksaan ulangan bagi kertas tersebut hendaklah mengemukakan rayuan berserta dengan bukti (seperti laporan doktor dan sebagainya) melalui sekolah terus kepada **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**.